

08 MAR 2001

PM DAN ISTERI MERIAHKAN MAJLIS PERKAHWINAN PEGAWAI POLIS

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali memeriahkan lagi majlis perkahwinan Pegawai Latihan Unit Tindakan Khas (UTK) Pasukan Gerak Khas Polis Diraja Malaysia malam ini.

ASP Sri Kumar M.Nair, 35, dan isteri Kalyani Balakrishnan Nair, 28, amat berbesar hati apabila Perdana Menteri dan isteri sudi menghadiri majlis perkahwinan mereka yang diadakan di Mes Pegawai Kanan Bukit Aman di sini.

Kira-kira 500 tetamu turut meraikan kedua-dua pengantin pada majlis itu.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohamad Jamil Johari dan bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar serta pegawai-pegawai kanan polis.

Sri Kumar berkhidmat sebagai Pegawai Latihan UTK sejak 1992 dan pernah beberapa kali mengiringi Perdana Menteri dan isteri sebagai pengawal pengiring manakala isterinya merupakan ketua pengarang sebuah portal majalah internet iaitu The Web.

Upacara diserikan lagi dengan Dr Mahathir dan isteri menepung tawar kedua-dua pengantin mengikut tradisi perkahwinan melayu sebelum pengantin memotong kek perkahwinan bagi acara kemuncak.

Sri Kumar ketika ditemui berkata beliau berterima kasih serta amat terharu kerana Perdana Menteri dan isteri sudi hadir walaupun sibuk dengan tugas lain.

Sri Kumar yang berasal dari Muar, Johor dan isterinya anak kelahiran Pulau Pinang mula berkenalan pada Disember tahun lepas.

-- BERNAMA
ZAI ZAI ZB